

20 FEB 2003

NAM-Gulung/I

MALAYSIA BAKAL MAIN PERANAN DINAMIK PENYUBURAN NAM

Oleh: Neville D'Cruz

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Hari pertama Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 menyaksikan Malaysia sebagai bakal pengerusi, memperlihatkan keazamannya menyuburkan pertumbuhan berusia 47 tahun itu dan untuk menghadapi secara berdepan cabaran dari negara kaya dan besar.

Berucap merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) NAM hari ini, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar menetapkan rentak apabila menggesa pergerakan itu supaya bersatu dan bersepakat dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai pelindung negara-negara lemah di dunia.

NAM perlu terus bersuara dan memainkan peranannya sebagai pejuang negara yang lemah, tidak berkuasa dan melucutkan hak undi daripada dominasi negara kaya dan berkuasa," katanya.

Syed Hamid meminta negara anggota NAM berwaspada terhadap kesan negatif globalisasi, pilih kasih, hipokrisi, perkauman dan ancaman ke atas gaya hidup mereka.

"Daripada peraturan tegas Perang Dingin, yang menyaksikan dua blok yang bersaing dan saling bertelagah antara satu sama lain, dunia kini adalah bercirikan unipolar dengan kuasa besar yang dominan, malahan hegemoni, berubah haluan antara pemencilan dan unilateralisme, dengan itu mewujudkan banyak ketidakpastian dan kekalutan dalam sistem antarabangsa," katanya.

Syed Hamid berkata bahawa perang menentang keganasan telah mencetuskan tindakan perkauman paling teruk di negara-negara maju.

Ucapannya yang bertenaga itu mendapat sambutan hangat para anggota delegasi yang memuji kepimpinan Malaysia dan peranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memperjuangkan nasib negara-negara membangun dan miskin.

Timbalan Menteri Luar Mesir Mohamed Ezzeldine berkata Malaysia dihormati di arena antarabangsa dan pememilihan Malaysia mengetuainya bagi tempoh tiga tahun akan datang adalah "amat signifikan".

Timbalan Menteri Luar Iran Khoshroo Gholamali optimis Malaysia akan membawa impak kepada perkembangan pergerakan itu kerana Malaysia dihormati di PBB dan berpengaruh di kalangan negara Islam.

Spekulasi media Barat mengenai kekuatan NAM turut disanggah apabila ia terus berkembang dengan kemasukan Timor Leste dan St Vincent dan Grenadines sebagai anggota pada mesyuarat kali menjadikan jumlah anggota NAM kepada 116.

SOM turut membentuk Jawatankuasa Politik dan Jawatankuasa Ekonomi dan Sosial yang dipengerusikan Ecuador dan Filipina.

Dalam satu langkah signifikan, SOM bersetuju dengan inisiatif Malaysia supaya diadakan pernyataan berasingan mengenai situasi di Iraq.

Pada sidang media selepas berakhir hari pertama SOM, Syed Hamid berkata NAM tidak akan mendiamkan diri terhadap isu Iraq walaupun anggota-anggotanya terikat dengan keputusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai perkara itu.

Katanya, jika NAM memilih untuk berdiam diri, bermakna pertumbuhan yang dianggotai 114 negara itu telah gagal menjalankan tanggungjawabnya.

"Jika kita melihat kepada perkembangan semasa dunia, kita semua boleh mendiamkan diri...kita kemudian akan diadili dengan pendirian itu. Tidakkah anda terfikir dengan berbuat demikian kita telah gagal menjalankan tanggungjawab?" katanya.

Para delegasi sementara itu ternyata hampa hari ini apabila pengumuman

dibuat mengenai ketidak hadiran Raja Jordan Abdullah II, Presiden Mesir Hosni Mubarak dan pemimpin Libya Muammar Gaddafi pada mesyuarat itu.

Para delegasi menantikan kehadiran tiga pemimpin Arab itu untuk mendapatkan maklumat terkini krisis Iraq.

Antara pemimpin yang mengesahkan penyertaan ialah Raja Maghribi Mohammed VI, Presiden Cuba Fidel Castro, Presiden Afghanistan Abdul Hamid Karzai, Presiden Iran Sayyed Mohammad Khatami, Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee dan Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika.

Semua pemimpin 10 negara anggota Asean dijangka hadir pada sidang itu.

-- BERNAMA

NDC MFJ JK MOZ